



## penyata kewangan

- 29 Laporan Para Pengarah
- 38 Kunci Kira-Kira
- 39 Penyata Pendapatan
- 40 Akaun Pendapatan Insurans Am
- 42 Penyata Perubahan Ekuiti
- 43 Penyata Aliran Tunai
- 44 Nota-nota kepada Penyata Kewangan
- 70 Kenyataan oleh Para Pengarah  
Pengakuan Berkanun
- 71 Laporan Juruaudit
- 115 Senarai Hartanah

# Laporan Para Pengarah

Dengan sukacitanya para Pengarah membentangkan laporan mereka kepada ahli-ahli berserta penyata-penyata kewangan Syarikat yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2007.

## KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama syarikat merangkumi pengunderaitan semua kelas perniagaan insurans am.

Tiada sebarang perubahan ketara yang berlaku terhadap kegiatan-kegiatan ini sepanjang tahun berkenaan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	<b>RM'000</b>
Keuntungan bersih pada tahun kewangan	<u>45,471</u>

## DIVIDEN

Dividen dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Mac 2006 ialah seperti berikut:

	<b>RM'000</b>
Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2006, seperti tertera di dalam laporan Pengarah tahun berkenaan, dividen kasar akhir sebanyak 15 sen sesaham, selepas ditolak cukai pendapatan 28%, dibayar pada 1 Ogos 2006	<u>10,800</u>

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2007, dividen kasar interim sebanyak 10 sen sesaham, selepas ditolak cukai pendapatan 27%, dibayar pada 7 Disember 2006	<u>7,300</u>
--	--------------

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini dinyatakan di dalam nota-nota kepada penyata-penyata kewangan.

## PERUNTUKAN BAGI TUNTUTAN YANG BELUM DISELESAIKAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menentukan terdapat peruntukan yang mencukupi untuk sebarang tuntutan termasuk tuntutan Ditanggung Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR").

## HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata-penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya berhubung tindakan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan elaun hutang ragu manakala semua hutang lapuk yang dikenal pasti telah dihapuskan dan menyediakan elaun mencukupi untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan jumlah penghapusan hutang lapuk atau jumlah elaun hutang ragu di dalam penyata-penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi.

## ASET SEMASA

Sebelum penyata-penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menentukan sebarang aset semasa yang tidak mungkin diperolehi dalam urusan biasa, nilai aset berkenaan seperti tertera dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat telah dikurangkan kepada suatu jumlah yang dijangka mampu dicapai.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan nilai aset semasa di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

## KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan kaedah sedia ada dalam penilaian harta atau tanggungan Syarikat mengelirukan atau kurang sesuai.

## LIABILITI BERSYARAT DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- sebarang caj ke atas harta Syarikat sejak akhir tahun berkenaan yang menjamin liabiliti sesiapa sahaja, atau
- sebarang liabiliti bersyarat bagi Syarikat sejak akhir tahun berkenaan.

## Laporan Para Pengarah (sambungan)

### LIABILITI BERSYARAT DAN LAIN-LAIN LIABILITI (SAMBUNGAN)

Tiada liabiliti bersyarat atau lain-lain liabiliti Syarikat yang berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun berkenaan yang mana menurut pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab mereka apabila tiba waktunya.

Untuk tujuan perenggan ini, liabiliti bersyarat atau lain-lain liabiliti tidak termasuk liabiliti yang wujud daripada kontrak-kontrak penaja jaminan insurans dalam urusniaga biasa Syarikat.

### PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang kemungkinan yang tidak diambil kira didalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat, yang boleh mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata-penyata kewangan berkenaan mengelirukan.

### PERKARA-PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Syarikat bagi tahun berkenaan tidak begitu terjejas oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Pada pendapat para Pengarah, tiada sebarang perkara, urusniaga atau kejadian penting dan luar biasa yang berlaku dalam tempoh antara tarikh akhir tahun berkenaan dan tarikh laporan ini yang mungkin banyak menjejaskan keputusan operasi Syarikat bagi tahun ketika laporan ini disediakan.

### MODAL SAHAM

Tiada sebarang saham baru yang dikeluarkan oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan ini.

### URUS TADBIR KORPORAT

Pematuhan Bank Negara Malaysia JPI/GPI 25:

Rangka Rancangan Berhemat Urus Tadbir Korporat Penanggung Insurans

Syarikat adalah mematuhi keperluan dan menerima pakai amalan pengurusan yang konsisten dengan prinsip-prinsip di bawah Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) JPI/GPI 25 (Penyatuan) – Rangka Rancangan Berhemat Urus Tadbir Korporat Penanggung Insurans (JPI/GPI 25).

### Tanggungjawab Lembaga

Lembaga Pengarah adalah komited dalam memastikan bahawa taraf tertinggi urus tadbir dikekalkan. Ini telah dicapai dengan menerusi pemuatan Akta Insurans 1996, Peraturan Insurans 1996 dan JPI/GPI 25 dan arahan lain. Syarikat berusaha untuk menerima pakai amalan terbaik urus tadbir korporat yang lain.

### Aktiviti Lembaga Pengarah

Terdapat keseimbangan di dalam keanggotaan Lembaga yang terdiri daripada sembilan pengarah dengan kemahiran dan pengalaman yang pelbagai iaitu lima Pengarah Bukan Eksekutif, seorang Pengarah Eksekutif dan tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Tiada individu atau kumpulan individu yang mampu mempengaruhi proses membuat keputusan Lembaga Pengarah. Sebagai tambahan, Pengarah-Pengarah tidak memegang jawatan Pengarah lebih dari had yang ditetapkan.

Dalam tahun kewangan, Lembaga telah bermesyuarat sebanyak enam kali dan semua Pengarah telah mematuhi syarat kehadiran minimum 75% ke mesyuarat tersebut. Butir-butir kehadiran setiap ahli Lembaga Pengarah ke mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Ahli	Status Pengarah	Bilangan Mesyuarat	
		Diadakan	Dihadiri
YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail*	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif & Pengerusi	6	5
David Chan Mun Wai	Pengarah Bukan Eksekutif & Timbalan Pengerusi	6	6
Lawrence Pereira	Pengarah Bukan Eksekutif	6	6
Datuk Abdul Shukor Hassan	Pengarah Bukan Eksekutif	6	6
George Isac Pereire	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	6	5
Hashim Harun	Pengarah Urusan / Ketua Pengawai Eksekutif	6	6
Chan Kok Seong	Pengarah Bukan Eksekutif	6	6
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar**	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	6	5
Hasni Harun***	Pengarah Bukan Eksekutif	6	4
Dato' Maznah Abdul Jalil****	Pengarah Bukan Eksekutif	6	1
Dato' Mohd Nor Mohamad*****	Pengarah Bukan Eksekutif	6	1

# Laporan Para Pengarah (sambungan)

## URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

- \* Dilantik sebagai Pengarah dan Pengerusi berkuatkuasa 11.07.2006
- \*\* Dilantik sebagai Pengarah berkuatkuasa 11.07.2006
- \*\*\* Dilantik sebagai Pengarah berkuatkuasa 01.08.2006
- \*\*\*\* Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 01.06.2006
- \*\*\*\*\* Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 11.07.2006

Dalam melaksanakan tugasnya, Lembaga telah menyerahkan tanggungjawab-tanggungjawab khusus kepada tujuh (7) Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- (i) Jawatankuasa Audit
- (ii) Jawatankuasa Pencalonan
- (iii) Jawatankuasa Imbuan
- (iv) Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- (v) Jawatankuasa Eksekutif
- (vi) Jawatankuasa Tuntutan dan Pengunderaitan
- (vii) Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan mempunyai kuasa untuk menyelidik isu-isu berkaitan dan melaporkannya kembali kepada Lembaga Pengarah bersama cadangan-cadangan mereka. Tanggungjawab utama untuk membuat keputusan muktamad bagi semua perkara adalah terserah kepada Lembaga Pengarah.

## Latihan Pengarah

Para Pengarah adalah digalakkan untuk menghadiri program dan seminar pendidikan secara berterusan supaya mereka sentiasa mengikuti perkembangan semasa dalam industri. Syarikat telah mewujudkan polisi bertulis bagi program induksi dan pendidikan untuk para Pengarah sejajar dengan keperluan piawaian urus tadbir korporat.

## Polisi Lembaga Pengarah

Merujuk kepada Prinsip 4 JPI/GPI 25 Jabatan Audit Dalaman (JAD) telah menyediakan dan mengemaskinikan Polisi Lembaga Pengarah untuk memberikan maklumat industri insurans secara am dan Uni.Asia General Insurance Berhad secara khusus bersama-sama senarai maklumat-maklumat yang menyeluruh. Ia akan menjadi bahan rujukan utama bagi industri insurans di Malaysia dan operasi UAGIB secara keseluruhannya untuk Pengarah-Pengarah yang baru dilantik dan yang sedia ada.

## Penyata Tanggungjawab Pengarah

Para Pengarah adalah diperlukan oleh Akta Syarikat, 1965 untuk menyediakan penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan yang disahkan dan digunakan mengenai kedudukan sebenar Syarikat, keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berkenaan.

Untuk menyediakan penyata kewangan tersebut, para Pengarah telah:

- a) Memilih dasar perakaunan yang sesuai dan digunakan secara berterusan;
- b) Membuat pertimbangan dan penilaian yang munasabah dan berhemat;
- c) Memastikan semua piawaian perakaunan dipatuhi; dan
- d) Menyediakan penyata kewangan secara berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, dengan persoalan bahawa Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi pada masa hadapan.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang menunjukkan ketepatan munasabah bagi kedudukan kewangan mereka agar membolehkan mereka memastikan bahawa penyata kewangan tersebut mematuhi Akta Syarikat, 1965.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi melindungi aset-aset Syarikat dan mencegah serta mengesan sebarang penipuan dan kejanggalan lain.

## Mesyuarat Agung Tahunan

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah membentangkan perkembangan dan prestasi perniagaan serta menggalakkan pemegang saham mengambil bahagian dalam sesi soal jawab. Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan dan, apabila perlu, Pengerusi Jawatankuasa Audit, Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan, Pengerusi Jawatankuasa Imbuan, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif, Pengerusi Jawatankuasa Tuntutan dan Pengunderaitan, dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan bersedia untuk menjawab soalan daripada pemegang saham semasa mesyuarat diadakan.

# Laporan Para Pengarah (sambungan)

## URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

### Laporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, matlamat para pengarah adalah untuk mengemukakan penilaian yang seimbang dan mudah difahami tentang kedudukan dan prospek syarikat.

### Kontrak Penting

Tiada kontrak penting (iaitu kontrak yang tidak disertai dalam urus niaga biasa perniagaan) yang dimaterai oleh Syarikat yang melibatkan kepentingan Pengarah dan pemegang saham utama, sama ada masih wujud pada tahun kewangan berkenaan atau disertai sejak akhir tahun kewangan sebelumnya.

### Pertanggungjawaban Awam

Sebagai penjaga dana awam, urusan Syarikat dengan masyarakat sentiasa dilakukan dengan adil, jujur dan profesional.

### Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Perusahaan

Lembaga mengesahkan tanggungjawab mereka secara menyeluruh ke atas sistem kawalan dalaman Syarikat. Tujuan sistem kawalan dalaman diadakan adalah untuk memastikan syarikat mencapai objektif korporatnya. Sistem ini direka untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi, laporan kewangan, dan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Adalah merupakan tanggungjawab utama Lembaga bagi menentukan strategi dan polisi risiko dan kawalan, sementara itu pihak Pengurusan adalah bertanggungjawab ke atas keberkesanan rekabentuk dan operasi pengurusan risiko dan proses kawalan.

Proses mengenalpasti dan menilai risiko penting adalah menerusi rangka kerja yang diterimapakai dan polisi Pengurusan Risiko Perusahaan (PRP). Prosesnya dijalankan sepanjang tahun. Lembaga Pengurusan Risiko Perusahaan (LPRP) akan mengawasi aktiviti Pengurusan Kanan dalam menguruskan bahagian paling berisiko dan memastikan bahawa rangka kerja dan proses pengurusan risiko disediakan dan berfungsi dengan berkesan.

Perlaksanaan PRP diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perusahaan (JPRP). JPRP akan membantu KPE dalam membentuk prosedur yang sesuai termasuk kaedah, alat dan teknik penilaian dan pertimbangan semula aplikasi pengurusan risiko yang digunapakai. JPRP akan melaporkan kembali penilaian ke atas urus tadbir dan pengurusan risiko kepada LPRP secara lebih kerap.

Jabatan Audit Dalaman turut terlibat secara aktif dalam mengaudit PRP berdasarkan profil risiko "auditee". Menerusi pendekatan audit berasaskan risiko, ianya memberikan keyakinan bebas kepada Lembaga Pengarah ke atas kecukupan dan ketelusan sistem kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko. Ia juga menilai kecukupan dan keberkesanan pembetulan risiko yang sedia ada dalam mengurangi risiko kepada tahap yang boleh diterima. Jabatan Audit Dalaman turut memasukkan aktiviti mengesan risiko penipuan dan aktiviti pengubahan wang haram sebagai sebahagian daripada tugas audit.

Mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko yang dihadapi oleh Syarikat merupakan proses berterusan yang merangkumi ciri-ciri seperti berikut:

a. **Penajajaminan (Pengunderaitan)**

Syarikat mengadakan kawalan terhadap pendedahan penajajaminan yang meliputi kedua-dua risiko yang diterima dan diinsuranskan semula. Had pendedahan dikaji semula mengikut keperluan.

b. **Prosedur Kawalan Kewangan**

Kawalan terperinci dinyatakan di dalam manual panduan prosedur setiap unit operasi.

c. **Kedudukan Kewangan**

Rancangan perniagaan dan belanjawan tahunan diserahkan kepada pihak Lembaga Pengarah pada permulaan setiap tahun kewangan untuk pengesahan mereka. Sebagai sebahagian daripada pemantauan prestasi dari semasa ke semasa, laporan-laporan kewangan berkenaan dihantar kepada pihak Lembaga Pengarah untuk semakan semula pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tersebut merangkumi semua operasi utama dan menyediakan suatu asas yang kukuh bagi pihak Lembaga Pengarah untuk menilai prestasi kewangan Syarikat dan mengenal pasti masalah-masalah yang berpotensi dihadapi oleh Syarikat.

d. **Pelaburan**

Bidang tugas Jawatankuasa Pelaburan dan Ketua Jabatan Pelaburan, polisi dan garis panduan pelaburan serta struktur dan proses membuat keputusan pelaburan ditakrifkan dengan jelas di dalam manual panduan Jabatan Pelaburan. Laporan prestasi dana pelaburan dan pendedahan ekuiti adalah antara laporan-laporan yang diserahkan kepada Jawatankuasa Pelaburan untuk semakan mereka sewaktu mesyuarat diadakan. Had-had pelaburan diawasi secara berterusan untuk memastikan ianya mematuhi spesifikasi aset-aset yang diterimapakai mengikut Seksyen 46(2), Akta Insurans 1996.

e. **Sistem Maklumat**

Jawatankuasa Pengendalian Teknologi Maklumat, yang mana ahlinya diwakili oleh pihak Pengurusan Kanan Syarikat, Ketua Jabatan Teknologi Maklumat dan Ketua Audit Dalaman bertanggungjawab untuk mengenal pasti keperluan teknologi maklumat Syarikat selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Persekitaran Teknologi Maklumat BNM (GPIS 1).

## Laporan Para Pengarah (sambungan)

### URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

#### f. Tuntutan

Syarikat mengadakan kawalan terhadap memproses dan pembayaran tuntutan. Pengagihan peruntukan disemak semula setiap tahun.

#### g. Audit Dalam

Jabatan audit dalaman melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan penemuan serta sarannya disampaikan kepada Jawatankuasa Audit menerusi laporan audit dalaman. Laporan berkenaan dikeluarkan dalam masa satu setengah bulan daripada tamatnya audit dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit semasa mesyuaratnya. Selain dari itu, Jawatankuasa Audit meneliti pelan audit tahunan dan mengambil tindakan susulan ke atas pelbagai pemerhatian audit. Satu salinan laporan berkenaan diserahkan kepada kakitangan pengurusan yang terlibat dan ahli-ahli Jawatankuasa Audit. Selaras dengan syarat pekeliling BNM JP3/2/99, laporan audit turut diserahkan kepada BNM. Pengerusi Jawatankuasa Audit mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa tersebut.

### Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Terdapat tujuh Jawatankuasa Lembaga Pengarah iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Tuntutan & Pengunderaitan dan Jawatankuasa Pelaburan seperti berikut.

#### A) Jawatankuasa Audit

Matlamat utama Jawatankuasa Audit adalah membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab untuk proses laporan kewangan, sistem kawalan dalaman, proses audit dan pemantauan pemantuhan undang-undang dan peraturan berkenaan.

Jawatankuasa ini terdiri daripada ahli-ahli seperti di bawah dan butir-butir kehadiran setiap ahli ke mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah seperti berikut:

Ahli	Status Pengarah	Bilangan Mesyuarat	
		Diadakan	Dihadiri
YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail*	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif & Pengerusi	4	3
George Isac Pereire	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4	4
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar**	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4	3
Dato' Mohd Nor Mohamad***	Pengarah Bukan Eksekutif	4	1
Chan Kok Seong****	Pengarah Bukan Eksekutif	4	1

\* Dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit berkuatkuasa 26.07.2006

\*\* Dilantik sebagai Ahli berkuatkuasa 26.07.2006

\*\*\* Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 11.07.2006

\*\*\*\* Meletakkan jawatan sebagai Ahli berkuatkuasa 26.07.2006

#### B) Jawatankuasa Pencalonan

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan adalah untuk mewujudkan prosedur dokumentasi, rasmi dan telus bagi perlintikan Pengarah baru, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan. Ia juga adalah merupakan proses penelitian semula keseimbangan dan penilaian keberkesanan setiap Pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhannya dan lain-lain Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan.

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada ahli-ahli di bawah dan butir-butir kehadiran setiap ahli ke mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah seperti berikut:

Ahli	Status Pengarah	Bilangan Mesyuarat	
		Diadakan	Dihadiri
YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail*	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif & Pengerusi	3	1
David Chan Mun Wai	Pengarah Bukan Eksekutif	3	3
Datuk Abdul Shukor Hassan	Pengarah Bukan Eksekutif	3	3
George Isac Pereire	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3	3
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar**	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3	1
Dato' Maznah Abdul Jalil***	Pengarah Bukan Eksekutif	3	2
Dato' Mohd Nor Mohamad****	Pengarah Bukan Eksekutif	3	2

## Laporan Para Pengarah (sambungan)

### URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

\* Dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan berkuatkuasa 26.07.2006

\*\* Dilantik sebagai Ahli berkuatkuasa 26.07.2006

\*\*\* Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 01.06.2006

\*\*\*\* Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 11.07.2006

#### C) Jawatankuasa Imbuan

Objektif utama Jawatankuasa ialah untuk mewujudkan prosedur dokumentasi, rasmi dan telus bagi membangunkan polisi imbuan untuk Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan dan memastikan imbuan mereka adalah setanding dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi syarikat.

Jawatankuasa Imbuan terdiri daripada ahli-ahli di bawah dan butir-butir kehadiran setiap ahli ke mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah seperti berikut:

Ahli	Status Pengarah	Bilangan Mesyuarat	
		Diadakan	Dihadiri
YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail*	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif & Pengerusi	4	-
David Chan Mun Wai**	Pengarah Bukan Eksekutif	4	-
Lawrence Pereira	Pengarah Bukan Eksekutif	4	4
Datuk Abdul Shukor Hassan	Pengarah Bukan Eksekutif	4	4
George Isac Pereire	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4	4
Hasni Harun***	Pengarah Bukan Eksekutif	4	2

\* Dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Imbuan berkuatkuasa 22.03.2007

\*\* Dilantik sebagai Ahli berkuatkuasa 22.03.2007

\*\*\* Meletakkan jawatan sebagai ahli berkuatkuasa 22.03.2007

#### D) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Objektif utama jawatankuasa ialah untuk mewujudkan prosedur dokumentasi, rasmi dan telus bagi memberi peluang kepada penumpuan ke atas penambahbaikan kualiti urus tadbir dan pengurusan risiko syarikat.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri daripada ahli-ahli di bawah dan butir-butir kehadiran setiap ahli ke mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah seperti berikut:

Ahli	Status Pengarah	Bilangan Mesyuarat	
		Diadakan	Dihadiri
George Isac Pereire	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif & Pengerusi	4	4
David Chan Mun Wai	Pengarah Bukan Eksekutif	4	4
Datuk Abdul Shukor Hassan	Pengarah Bukan Eksekutif	4	4
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar*	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4	-
Dato' Mohd Nor Mohamad**	Pengarah Bukan Eksekutif	4	1
Hasni Harun***	Pengarah Bukan Eksekutif	4	2

\* Dilantik sebagai ahli berkuatkuasa 22.03.2007

\*\* Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 11.07.2006

\*\*\* Meletakkan jawatan sebagai ahli berkuatkuasa 22.03.2007

#### E) Jawatankuasa Eksekutif

Objektif jawatankuasa adalah:

- Memastikan bahawa polisi umum dan objektif asas Syarikat seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah, dilaksanakan oleh pihak Pengurusan.
- Membantu Lembaga Pengarah mengawasi operasi Syarikat.

Jawatankuasa Eksekutif yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah dengan kuasa tertentu bagi membuat keputusan yang cekap dan berkesan, telah bermesyuarat setiap bulan untuk mengkaji semula perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi Syarikat. Minit mesyuarat Jawatankuasa diedarkan kepada semua ahli Jawatankuasa serta Pengerusi Lembaga Pengarah dan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain berdasarkan permintaan.

## Laporan Para Pengarah (sambungan)

### URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

#### E) Jawatankuasa Eksekutif (sambungan)

Jawatankuasa terdiri daripada ahli-ahli di bawah dan butir-butir kehadiran setiap ahli ke mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah seperti berikut:

Ahli	Status Pengarah	Bilangan Mesyuarat	
		Diadakan	Dihadiri
David Chan Mun Wai*	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif & Pengerusi	9	7
Hashim Harun	Ketua Pengarah Eksekutif & Pengerusi	9	9
Chan Kok Seong	Pengarah Bukan Eksekutif	9	8
Hasni Harun	Pengarah Bukan Eksekutif	9	7
Dato' Maznah Abdul Jalil**	Pengarah Bukan Eksekutif	9	2

\* Dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif berkuatkuasa 26.07.2006

\*\* Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 01.06.2006

#### F) Jawatankuasa Tuntutan dan Pengunderaitan

Tanggungjawab Jawatankuasa Tuntutan dan Pengunderaitan ialah membantu Lembaga Pengarah dan Pengurusan melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan strategik yang berkesan di dalam bidang tuntutan dan pengunderaitan Syarikat. Jawatankuasa ini mengemukakan laporan berhubung keputusan, pemerhatian dan cadangan yang timbul hasil semakan semula terhadap perkara di atas untuk dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Dalam melaksanakan tugasnya, Jawatankuasa Tuntutan dan Pengunderaitan memberikan hala tuju profesional berhubung keadaan Syarikat dari segi tuntutan dan pengunderaitan.

Jawatankuasa ini terdiri daripada ahli-ahli di bawah dan butir-butir kehadiran setiap ahli ke mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah seperti berikut:

Ahli	Status Pengarah	Bilangan Mesyuarat	
		Diadakan	Dihadiri
Lawrence Pereira	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif & Pengerusi	10	10
David Chan Mun Wai	Pengarah Bukan Eksekutif	10	10
Datuk Abdul Shukor Hassan	Pengarah Bukan Eksekutif	10	10
Hashim Harun	Ketua Pengarah Eksekutif & Pengarah Urusan	10	10
Hasni Harun*	Pengarah Bukan Eksekutif	10	6

\* Meletakkan jawatan sebagai ahli berkuatkuasa 22.03.2007

#### G) Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk membantu Lembaga Pengarah dan Pengurusan melaksanakan tanggungjawab strategik dan pertanggungjawaban yang berkesan dari segi pelaburan Syarikat.

Jawatankuasa ini mengemukakan laporan kepada Lembaga Pengarah berhubung keputusan, pemerhatian dan cadangan berkaitan aktiviti pelaburan Syarikat untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pelaburan terdiri daripada ahli-ahli di bawah dan butir-butir kehadiran setiap ahli ke mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah seperti berikut:

Ahli	Status Pengarah	Bilangan Mesyuarat	
		Diadakan	Dihadiri
Hasni Harun*	Pengarah Bukan Eksekutif & Pengerusi	9	7
Hashim Harun	Ketua Pengarah Eksekutif & Pengarah Urusan	9	9
Chan Kok Seong	Pengarah Bukan Eksekutif	9	8
Habshah Mohamed	Pengurus Besar, Kewangan & Pengurusan	9	8
Dato' Maznah Abdul Jalil**	Pengarah Bukan Eksekutif	9	2

\* Dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan berkuatkuasa 01.08.2006

\*\* Meletakkan jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 01.06.2006

## Laporan Para Pengarah (sambungan)

### PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah yang berkhidmat sepanjang tempoh yang berkenaan semenjak tarikh laporan yang lalu ialah:

YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	(dilantik pada 11.07.2006)
David Chan Mun Wai	
Lawrence Pereira	
Datuk Abdul Shukor Hassan	
George Isac Pereire	
Hashim Harun	
Chan Kok Seong	
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar	(dilantik pada 11.07.2006)
Hasni Harun	(dilantik pada 01.08.2006)
Dato' Maznah Abdul Jalil	(meletakkan jawatan pada 01.06.2006)
Dato' Mohd. Nor Mohamad	(meletakkan jawatan pada 11.07.2006)

Berdasarkan Artikel Pertubuhan Syarikat, David Chan Mun Wai dan Hashim Harun bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan layak menawarkan diri untuk pemilihan semula.

Berdasarkan Artikel Pertubuhan Syarikat, YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail dan Hasni Harun yang dilantik pada tahun kewangan, akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan layak menawarkan diri untuk pemilihan semula.

Berdasarkan seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar bersara dan satu resolusi telah dicadangkan bagi perlantikan semula beliau sebagai pengarah di bawah peruntukan seksyen 129(6) akta tersebut di mana beliau harus berkhidmat sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

### KEPENTINGAN PENGARAH-PENGARAH

Menurut daftar Pemegang Saham Pengarah, butiran mengenai kepentingan pengarah-pengarah dalam pemegangan saham Syarikat pada akhir tahun kewangan berkenaan dan pemegangan opsyen saham dalam syarikat-syarikat yang berkaitan adalah seperti berikut:

	Jumlah saham-saham biasa RM1.00 satu			Pada 31.3.2007
	Pada 1.4.2006	Dibeli	Dijual	
<b>Dalam Syarikat</b>				
<b>Langsung</b>				
George Isac Pereire	2,052,381	-	-	2,052,381
<b>Tidak Langsung</b>				
Lawrence Pereira*	9,850,000	-	-	9,850,000
Datuk Abdul Shukor Hassan**	10,003,175	-	-	10,003,175
<b>Dalam DRB-HICOM Berhad (Syarikat Pegangan Utama)</b>				
<b>Langsung</b>				
Dato' Maznah Abdul Jalil	550,500	-	430,500	120,000
Dato' Mohd. Nor Mohamad	86,000	-	76,000	10,000
George Isac Pereire	74,000	96,000	-	170,000
Chan Kok Seong	5,000	-	5,000	-

\* Dianggap mempunyai kepentingan dalam pemegangan saham Emaco Sdn Bhd menurut Seksyen 6A(4) Akta Syarikat, 1965.

\*\* Dianggap mempunyai kepentingan dalam pemegangan saham Salinah Enterprise Sdn Bhd menurut Seksyen 6A(4) Akta Syarikat, 1965.

Tidak ada lain-lain pengarah yang mempunyai kepentingan di dalam pemegangan saham Syarikat atau syarikat-syarikat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan berkenaan.

## Laporan Para Pengarah (sambungan)

### GANJARAN-GANJARAN PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang rancangan membabitkan Syarikat bertujuan untuk membolehkan pengarah-pengarah Syarikat memperolehi ganjaran-ganjaran menerusi pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau badan korporat yang lain selain daripada pilihan saham yang diluluskan oleh syarikat pegangan utama, DRB-HICOM Berhad, kepada pengarah-pengarah tertentu berdasarkan Skim Opsyen Saham Kakitangan.

Sejak akhir tahun kewangan sebelum ini, tidak ada pengarah syarikat yang menerima atau berhak untuk menerima sebarang ganjaran (selain ganjaran-ganjaran yang dinyatakan sebagai imbuhan dan ganjaran-ganjaran yang disediakan kepada pengarah-pengarah seperti yang dinyatakan di dalam nota 18 penyata kewangan), disebabkan oleh kontrak yang dilakukan oleh syarikat atau syarikat berkaitan bersama pengarah atau firma di mana pengarah berkenaan menjadi ahli, atau syarikat di mana pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, kecuali bagi sebarang faedah yang dianggap mungkin diperolehi oleh seseorang pengarah berdasarkan urusan dagangan biasa antara Syarikat dan syarikat-syarikat di mana pengarah tersebut mempunyai kepentingan ekuiti yang ketara.

### SYARIKAT PEGANGAN TERDEKAT DAN SYARIKAT PEGANGAN UTAMA

Syarikat pegangan terdekat adalah Uni.Asia Capital Sdn. Bhd. Para Pengarah menganggap syarikat DRB-HICOM Berhad sebagai syarikat pegangan utama Syarikat. Kedua-dua syarikat diperbadankan di Malaysia.

### JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus berkhidmat. Bersesuaian dengan satu ketetapan Lembaga Pengarah bertarikh 31 Mei 2007.

**TAN SRI DATO' SERI SYED ANWAR JAMALULLAIL**  
PENGARAH

**DAVID CHAN MUN WAI**  
PENGARAH

Kuala Lumpur

**Kunci Kira-Kira** pada 31 Mac 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>ASET</b>			
Hartanah, kilang dan peralatan	4	52,831	56,425
Hartanah Pelaburan	5	27,405	27,405
Pelaburan	6	463,307	463,082
Pinjaman	7	945	1,078
Jumlah dihutang oleh syarikat pegangan utama	27	8	8
Cukai aset tertunda	9	3,396	3,760
Penerimaan	10	40,341	43,838
Tunai dan baki bank		4,386	3,510
Jumlah aset		<u>592,619</u>	<u>599,106</u>
<b>TANGGUNGAN</b>			
Peruntukan bagi tuntutan tertunggak	11	200,252	215,431
Pembayaran	12	27,668	30,207
Pasca tanggungjawabmanfaat guna tenaga	13	716	1,181
Cukai tanggungan semasa		6,224	5,079
		<u>234,860</u>	<u>251,898</u>
Rizab premium tidak diperolehi	14	121,605	138,492
Jumlah tanggungan		<u>356,465</u>	<u>390,390</u>
<b>EKUITI PEMEGANG SAHAM</b>			
Modal saham	15	100,000	100,000
Rizab	16	136,154	108,716
		<u>236,154</u>	<u>208,716</u>
Jumlah tanggungan dan ekuiti pemegang saham		<u>592,619</u>	<u>599,106</u>

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini

## Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
Pendapatan operasi	17	345,345	381,386
Dana pemegang saham:			
Perbelanjaan pengurusan	18	(2,451)	(2,202)
Pendapatan operasi lain - bersih	20	-	(11)
		(2,451)	(2,213)
Lebih dipindahkan daripada akaun pendapatan		66,954	63,491
Keuntungan sebelum cukai		64,503	61,278
Cukai	21	(19,032)	(19,685)
Keuntungan bersih bagi tahun tinjauan		45,471	41,593
Pendapatan sesaham (sen)	22	45.47	41.60

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini

## Akaun Pendapatan Insurans Am bagi tahun berakhir pada 31 Mac 2007

	Nota	Kebakaran RM'000	Kenderaan RM'000	Perkapalan, Penerbangan & Transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
Premium kasar		44,514	241,645	8,671	29,736	324,566
Penginsurans semula		(20,766)	(13,884)	(6,540)	(10,583)	(51,773)
Premium bersih (Penambahan)/pengurangan dalam rizab premium tidak diperolehi	14	23,748 (385)	227,761 17,632	2,131 (119)	19,153 (241)	272,793 16,887
Premium diperolehi		23,363	245,393	2,012	18,912	289,680
Tuntutan bersih ditanggung	24	(9,173)	(150,840)	(628)	(11,911)	(172,552)
Komisyen bersih		(1,411)	(19,762)	(26)	(2,312)	(23,511)
Lebihan pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		12,779	74,791	1,358	4,689	93,617
Perbelanjaan pengurusan	18					(64,035)
Lebihan pengunderaitan						29,582
Pendapatan pelaburan	19					20,779
Pendapatan operasi lain - bersih	20					16,593
Lebihan dipindahkan ke penyata pendapatan						66,954

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini

## Akaun Pendapatan Insurans Am bagi tahun berakhir pada 31 Mac 2007

	Nota	Kebakaran RM'000	Kenderaan RM'000	Perkapalan, Penerbangan & Transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
Premium kasar Penginsurans semula		45,508 (20,730)	278,944 (15,207)	8,974 (7,014)	28,228 (9,599)	361,654 (52,550)
Premium bersih (Penambahan)/pengurangan dalam rizab premium tidak diperolehi	14	24,778 (1,236)	263,737 (15,934)	1,960 273	18,629 (866)	309,104 (17,763)
Premium diperolehi		23,542	247,803	2,233	17,763	291,341
Tuntutan bersih ditanggung Komisyen bersih	24	(7,966) (1,929)	(143,822) (23,284)	(891) (6)	(12,063) (2,325)	(164,742) (27,544)
Lebihan pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		13,647	80,697	1,336	3,375	99,055
Perbelanjaan pengurusan	18					(55,400)
Lebihan pengunderaitan						43,655
Pendapatan pelaburan	19					19,732
Pendapatan operasi lain - bersih	20					104
Lebihan dipindahkan ke penyata pendapatan						63,491

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini

## Penyata Perubahan Ekuiti bagi tahun terakhir 31 Mac 2007

Nota	Saham diterbitkan dan dibayar penuh pada RM 1 sesaham		Tidak boleh diagih Rizab	Boleh	
	Bilangan saham RM'000	Nilai nominal RM'000	penilaian semula aset RM'000	Pendapatan terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 April 2006					
- seperti yang dilaporkan terdahulu	100,000	100,000	4,601	104,115	208,716
- perubahan polisi perakaunan	28	-	(1,084)	1,084	-
Pada 31 Mac 2007	100,000	100,000	3,517	105,199	208,716
Pencapaian penilaian semula lebih bersih cukai pelaburan, hartanah, kilang dan peralatan yang dilupuskan	-	-	(48)	48	-
Tukarganti tanggungan cukai tertunda atas penilaian semula lebih hartanah, kilang dan peralatan setelah dilupuskan	-	-	-	19	19
Tukarganti tanggungan cukai tertunda atas perubahan dalam kadar cukai	-	-	48	-	48
Keuntungan bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	-	67	67
Keuntungan bersih dalam tahun tinjauan	-	-	-	45,471	45,471
Dividen:					
- akhir pada tahun berakhir 31 Mac 2006	23	-	-	(10,800)	(10,800)
- interim bagi tahun berakhir 31 Mac 2007		-	-	(7,300)	(7,300)
	100,000	100,000	3,517	132,637	236,154
Pada 1 April 2005	100,000	100,000	2,486	83,322	185,808
Lebih rizab penilaian semula hartanah	-	-	2,937	-	2,937
Dipindahkan ke cukai tertunda	-	-	(822)	-	(822)
Keuntungan bersih bagi tahun tinjauan	-	-	-	41,593	41,593
Dividen:	23				
- akhir pada tahun berakhir 31 Mac 2005		-	-	(13,600)	(13,600)
- interim bagi tahun berakhir 31 Mac 2006		-	-	(7,200)	(7,200)
Pada 31 Mac 2006	100,000	100,000	4,601	104,115	208,716

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini

## Penyata Aliran Tunai bagi tahun terakhir 31 Mac 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Keuntungan bersih dalam tahun tinjauan		45,471	41,593
Pelarasan bagi perkara bukan tunai	25	(30,644)	19,988
		14,827	61,581
Pengurangan/(Penambahan) pinjaman (Penambahan)/Pengurangan deposit tetap dan panggilan		133 (54,830)	(130) 31,666
Pembelian pelaburan		(111,235)	(140,883)
Perolehan dari penjualan pelaburan		171,784	71,089
Perolehan dari kematangan pelaburan		10,000	10,000
Pendapatan faedah diterima		18,577	17,767
Pendapatan dividen diterima		2,233	2,040
Lain-lain pendapatan pelaburan diterima		(1,048)	(54)
Pasca tanggungjawab manfaat guna tenaga		(515)	-
Penambahan jumlah dihutang kepada syarikat pegangan utama		-	(3)
Pengurangan/(Penambahan) penerimaan dagangan		4,121	(3,506)
Pengurangan pembayaran dagangan		(2,785)	(70)
Pengurangan peruntukan tuntutan tertunggak		(15,179)	(7,502)
Pengurangan penerimaan lain		610	34
Penambahan/(Pengurangan) pembayaran lain		246	(1,449)
Tunai diperolehi daripada operasi		36,939	40,580
Cukai dibayar		(17,456)	(20,688)
Aliran tunai bersih masuk daripada aktiviti operasi		19,483	19,892
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Pembelian hartanah, kilang dan peralatan		(1,089)	(1,709)
Perolehan daripada penjualan hartanah, kilang dan peralatan		582	40
Perolehan daripada penjualan syarikat bersekutu		-	330
Perolehan daripada penjualan syarikat subsidiari		-	260
Aliran tunai bersih keluar daripada aktiviti pelaburan		(507)	(1,079)
Dividen dibayar		(18,100)	(20,800)
Aliran tunai bersih keluar daripada aktiviti kewangan	26	(18,100)	(20,800)
<b>PENGURANGAN BERSIH TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>			
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	26	3,510	5,497
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	26	4,386	3,510

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007

## 1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Syarikat terlibat terutamanya dalam penajajaminan semua kelas perniagaan insurans am.

Aktiviti utama syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 8 bagi penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara yang berlaku terhadap aktiviti-aktiviti sepanjang tahun berkenaan.

Syarikat merupakan syarikat liabiliti awam berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama ialah di Tingkat 9, Menara Uni.Asia, 1008 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Syarikat induknya adalah Uni.Asia Capital Sdn. Bhd. Para Pengarah menganggap DRB-HICOM Berhad sebagai syarikat induk unggul Syarikat. Kedua-dua syarikat diperbadankan di Malaysia.

Penyata kewangan disahkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah, selaras dengan ketetapan Pengarah bertarikh 31 Mei 2007.

## 2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

Polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten apabila berurusan dengan perkara yang boleh dianggap material berhubung dengan penyata kewangan:

### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Syarikat disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali yang diperlihatkan di dalam ringkasan dasar-dasar penting perakaunan ini. Penyata kewangan ini mematuhi Piawaian Laporan Kewangan ('FRS'), Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ('MASB') piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia, peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 serta Garis Panduan dan Surat Pekeliling berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ('BNM') dalam semua aspek penting.

Penyediaan penyata kewangan adalah sebagai mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia memerlukan anggaran dan anggapan yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti serta penzahiran aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tahun tinjauan. Walaupun anggaran berkenaan adalah berasaskan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran.

Bagi perkara-perkara yang memerlukan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks atau di mana andaian dan anggaran sangat penting kepada penyata kewangan adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3 kepada penyata kewangan.

### (i) Piawaian yang berkesan dan relevan ke atas operasi Syarikat

Piawaian perakaunan baru yang berkesan dan relevan ke atas operasi Syarikat, bagi tahun kewangan Syarikat yang bermula pada 1 April 2006 adalah seperti berikut:

FRS 101	Penyampaian Penyata Kewangan
FRS 108	Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan
FRS 110	Peristiwa selepas tarikh Kunci Kira-Kira
FRS 116	Hartanah, Kilang dan Peralatan
FRS 121	Kesan-kesan ke atas Perubahan Pertukaran Matawang Asing
FRS 132	Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Penyampaian
FRS 133	Pendapatan Sesaham
FRS 136	Kemerosotan Aset
FRS 140	Hartanah Pelaburan

Tiada kesan penting ke atas penyata kewangan Syarikat berikutan dengan penggunaan piawaian kewangan yang baru kecuali yang telah ditunjukkan di dalam Nota 28.

### (ii) Piawaian, Pembetulan ke atas Piawaian yang telah diumumkan dan Interpretasi yang berkesan tetapi tidak relevan ke atas operasi Syarikat

Piawaian perakaunan yang baru, pembetulan ke atas piawaian yang telah diiklankan dan interpretasi yang berkesan tetapi tidak relevan ke atas operasi syarikat, bagi tahun kewangan bermula pada 1 April 2006 adalah seperti berikut:

FRS 2	Pembayaran Berasaskan Saham
FRS 3	Penyatuan Perniagaan
FRS 5	Bukan Aset Semasa untuk Dijual dan Penamatan Operasi
FRS 102	Inventori
FRS 127	Konsolidasi dan Pengasingan Penyata Kewangan
FRS 128	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu
FRS 131	Pelaburan dalam Syarikat Usahasama
FRS 138	Aset Tidak Nyata

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

## 2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### (a) Asas Penyediaan (Sambungan)

Pembetulan ke atas FRS 119<sub>2004</sub> Faedah Pekerja – Pendapatan dan Kerugian Aktuari, Pelan Kumpulan dan Pendedahan – berkaitan ujian “asset ceiling”.

- IC 107 Pengenalan kepada Euro
- IC 110 Bantuan Kerajaan – Tiada Berkaitan dengan Aktiviti Operasi
- IC 112 Konsolidasi – Entiti yang Bertujuan Khas
- IC 113 Entiti Kawalan Bersama – Sumbangan Bukan Kewangan
- IC 115 Operasi Pajak – Insentif
- IC 121 Cukai Pendapatan – Penilaian Semula Aset yang Tidak Susutnilai
- IC 125 Cukai Pendapatan – Perubahan Status Cukai bagi Entiti atau Pemegang saham
- IC 127 Penilaian Kepentingan Transaksi membabitkan Bentuk Pajak yang Sah
- IC 129 Pendedahan – Penyediaan Perkhidmatan Konsesi
- IC 131 Perolehan – Transaksi Barter melibatkan Perkhidmatan Pengiklanan
- IC 132 Aset Tidak Nyata – Kos Halaman Web

### (iii) Piawaian, pembetulan piawaian yang telah diumumkan dan interpretasi piawaian yang sedia ada yang belum digunakan

Piawaian baru yang digunakan oleh Syarikat bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2007 atau pada tahun berikutnya adalah seperti berikut:

- FRS 117 Pajak (diterimakai bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Oktober 2006). Piawai ini menghendaki pengelasan pajak tanah sebagai prabayar pajak. Syarikat akan menggunakan piawaian ini pada tahun kewangan bermula 1 April 2007.
- FRS 124 Pendedahan Pihak Berkaitan (diterimakai bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Oktober 2006). Piawai ini akan mempengaruhi pendedahan ke atas pengenalan pihak berkaitan dan lain-lain pihak berkaitan. Syarikat akan menggunakan piawai ini pada tahun kewangan bermula 1 April 2007.
- FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengenalan dan Pengukuran (tarikh diterimakai akan ditentukan oleh ‘MASB’). Piawai ini menekankan prinsip untuk mengenal dan mengukur aset dan liabiliti kewangan.
- Pembetulan FRS 119<sub>2004</sub> Faedah Pekerja – Pendapatan dan Kerugian Aktuari, Pelan Kumpulan dan Pendedahan (diterimakai bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007).
- Pembetulan FRS 121 Kesan-kesan ke atas Perubahan Pertukaran Matawang Asing – Pelaburan Bersih di dalam Operasi Asing (diterimakai bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007).
- FRS 6 Explorasi dan Penilaian Sumber Mineral (diterimakai bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007).
- Tafsiran IC 2 berhubung Saham Ahli di dalam Entiti Koperasi dan Instrumen yang Berkaitan (diterimakai bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007).

### (iv) Piawaian, pembetulan piawaian dan tafsiran ke atas piawaian yang sedia ada yang tidak relevan ke atas operasi Syarikat

- Tafsiran IC 5 berhubung Hak ke atas faedah yang diterima dari komisen dana Pemulihan dan Pengekalan Alam Sekitar (bermula pada tempoh perakaunan pada atau selepas 1 Julai 2007).
- Tafsiran IC 6 berhubung Liabiliti yang timbul daripada penglibatan di dalam pasaran tertentu – Peralatan Elektronik dan Sisa Elektrik (bermula pada tempoh perakaunan pada atau selepas 1 Julai 2007).
- Tafsiran IC 7 berhubung menguna pakai kaedah Pendekatan Penyataan Semula di bawah FRS 1292004 Hiperinflasi Ekonomi di dalam Penyata Kewangan (bermula pada tempoh perakaunan pada atau selepas 1 Julai 2007).
- Tafsiran IC 8 berhubung Ruang Lingkup FRS 2 (bermula pada tempoh perakaunan pada atau selepas 1 Julai 2007).

### (b) Hartanah, kilang dan peralatan

Hartanah, kilang dan peralatan dinyatakan pada kos.

Tanah dan bangunan pegangan bebas dan pegangan pajak dinyatakan mengikut penilaian para Pengarah berdasarkan laporan jurunilai profesional terhadap nilai pasaran terbuka diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan berkaitan, dengan penambahan dinyatakan pada kos. Hartanah ini dinilai semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun oleh jurunilai profesional bebas dengan penilaian tambahan untuk jangka masa berkenaan yang mana keadaan pasaran menunjukkan bahawa nilai bagi aset yang dinilai semula itu adalah lebih tinggi daripada nilai pasaran.

Kos tambahan yang dinilai adalah termasuk di dalam nilai buku bersih atau di kenal pasti sebagai aset yang lain, seperti yang dikehendaki, hanya apabila manfaat ekonomi masa depan adalah pasti ke atas Syarikat dan kos tersebut boleh dinilai akan kesahihannya. Nilai buku bersih terhadap bahagian barang ganti adalah tidak di ambil kira. Semua baik pulih dan selenggaraan adalah di rekodkan terus ke penyata akaun pendapatan/hasil semasa tempoh kewangan di mana ia berlaku.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

### 2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

#### (b) Hartanah, kilang dan peralatan (sambungan)

Lebih daripada penilaian semula hartanah berkenaan dikreditkan ke akaun rizab penilaian semula aset. Lebih daripada penilaian semula hartanah tersebut dikreditkan ke dalam akaun pendapatan dan/atau penyata pendapatan bagi mengimbangi defisit yang direkodkan sebelum ini pada aset yang sama. Defisit yang terhasil daripada penilaian semula hartanah tersebut dikenakan pada akaun rizab penilaian semula aset sehingga lebih sebelum ini disimpan di dalam akaun bagi aset yang sama. Dalam kes yang lain, defisit yang terhasil daripada penilaian semula hartanah berkenaan dianggap sebagai perbelanjaan di dalam akaun pendapatan dan/atau penyata pendapatan.

Hartanah, kilang dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosakan terkumpul.

Tanah pegangan bebas tidak disusutnilai. Susut nilai disediakan dalam satu asas garis lurus untuk penghapusan kos aset tetap yang lain terhadap anggaran jangka hayat kegunaan aset berkenaan. Kadar susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut

Bangunan pegangan bebas	50 tahun
Tanah dan bangunan pegangan pajakan	50 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun
Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat	5 tahun
Pengubahsuaian pejabat	10 tahun
Peralatan pejabat	20 tahun

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat menilai semula nilai lebih dan jangka hayat hartanah, kilang dan peralatan dan akan mengubahnya jika perlu. Walaubagaimanapun, hanya sesetengah hartanah, kilang dan peralatan sahaja yang akan diubah nilai lebih dan jangka hayatnya pada tarikh kunci kira-kira. Penilaian semula itu mengambilkira perubahan dalam anggaran perakaunan dan sebagai keputusannya, nilai susutnilai bagi tempoh semasa dan akan datang akan menurun sebanyak RM233,578.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang tanda kerosakan. Sekiranya ada, satu analisis akan dijalankan untuk menilai sama ada jumlah dibawa aset berkenaan boleh diperolehi balik sepenuhnya. Hapus kira dilakukan sekiranya jumlah dibawa melebihi jumlah boleh diperolehi balik. Lihat dasar perakaunan Nota 2(g) dalam kerosakan aset.

Perolehan dan kerugian terhadap pelupusan ditentukan dengan membandingkan pendapatan dengan jumlah yang dibawa, dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan.

#### (c) Pelaburan

Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, kertas Cagamas dan sekuriti hutang tidak disebut harga yang dipersetujui seperti ditentukan oleh BNM, dinyatakan pada kos, yang diselaraskan untuk pelunasan premium atau penambahan diskaun dikira pada asas garis lurus daripada tarikh pembelian hingga ke tarikh matang. Pelunasan premium atau penambahan diskaun dinyatakan dalam akaun pendapatan dan/atau penyata pendapatan.

Pelaburan disebut harga dinyatakan pada nilai kos yang lebih rendah dan nilai pasaran ditentukan menurut asas agregat oleh setiap kategori pelaburan, kecuali pengurangan nilai pelaburan tertentu tidak dianggap sementara, penurunan nilai kepada median purata nilai pasaran dibuat terhadap nilai pelaburan berkenaan. Nilai pasaran ditentukan oleh rujukan terhadap harga penutup pertukaran saham pada tarikh kunci kira-kira.

Pelaburan tidak disebut harga dinyatakan pada kos dan peruntukan untuk pengurangan nilai dibuat yang mana, pada pandangan para Pengarah, terdapat penurunan selain daripada nilai pelaburan sementara. Sekiranya terdapat penurunan selain daripada nilai pelaburan sementara itu, pengurangan berkenaan dinyatakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana pengurangan itu dikenal pasti.

#### (d) Pelaburan Hartanah

Pelaburan Hartanah, secara prinsipnya termasuklah tanah dan bangunan, adalah dipegang untuk tempoh rental yields yang panjang atau untuk peningkatan modal atau untuk kedua-duanya sekali dan tidak pula diduduki oleh syarikat.

Pelaburan Hartanah yang pada mulanya dinyatakan pada kos termasuk perbelanjaan berkaitan dan kebetulan wujud adalah dinyatakan pada nilai saksama, berdasarkan laporan jurunilai profesional terhadap nilai pasaran bebas. Nilai saksama adalah berdasarkan harga di pasaran bebas, diubah sekiranya perlu, bagi perbezaan di dalam keadaan, lokasi dan sifat sesuatu aset. Sekiranya maklumat ini tidak didapati, Syarikat menggunakan cara penilaian alternatif seperti harga nilai kini dalam pasaran yang kurang aktif atau anggaran aliran tunai diskaun. Nilai saksama bagi pelaburan hartanah dinilai semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun pada jangka masa yang sesuai oleh jurunilai profesional bebas dengan penilaian penambahan dalam jangka masa berkenaan apabila keadaan pasaran menunjukkan bahawa nilai aset yang dinilai semula itu adalah lebih tinggi daripada nilai pasaran.

Perubahan dalam nilai saksama daripada penilaian semula pelaburan hartanah dicatatkan ke akaun pendapatan dan/atau penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada lain-lain pendapatan.

Bagi pelupusan hartanah pelaburan, ianya perlu dihapuskan dari kunci kira-kira. Perbezaan antara pendapatan bersih dan jumlah dibawa dinyatakan dalam akaun pendapatan dan/atau penyata pendapatan.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

## 2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### (e) Penerimaan

Dagangan belum terima dibawa pada nilai invoice tolak peruntukan yang dibuat untuk hutang ragu.

Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan khusus dibuat untuk premium kenderaan bermotor termasuk baki ejen yang masih tertunggak melebihi 30 hari dan premium bukan kenderaan bermotor termasuk baki ejen atau baki insurans semula yang masih tertunggak melebihi enam bulan daripada tarikh yang mana ia boleh diterima, dan untuk semua hutang yang dianggap ragu.

### (f) Tunai dan persamaan tunai

Bagi penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai merangkumi tunai ditangan dan di dalam bank.

### (g) Kerosakan aset

Aset yang mempunyai jangka hayat tidak tentu adalah terkecuali daripada pelunasan dan diuji kerosakannya setiap tahun. Aset yang memerlukan pelunasan adalah dinilai untuk kerosakan apabila ada situasi atau keadaan menunjukkan nilai bawaan tidak dapat di tampung.

Kerugian akibat kerosakan dinilai apabila nilai buku bersih melebihi nilai yang boleh diperolehi. Nilai yang boleh diperolehi adalah tinggi daripada nilai saksama sesuatu aset selepas ditolak nilai kos untuk dijual atau untuk digunakan. Untuk tujuan menentukan tahap penurunan nilai, aset dikumpulkan ditingkat paling bawah di mana pengasingan aliran di kenal pasti (membentuk unit tunai). Aset Bukan Kewangan selain dari Hibbah yang sememangnya menanggung penurunan nilai, dinilai semula bagi kemungkinan pembalikan semula penurunan nilai pada setiap tarikh pelaporan.

Kerugian akibat kerosakan dihantar ke akaun pendapatan dan/atau penyata pendapatan dengan segera. Sebarang peningkatan di dalam nilai yang boleh diperolehi dihantar ke dalam akaun pendapatan dan/atau penyata pendapatan.

### (h) Keputusan pengunderaitan insurans am

Hasil pengunderaitan insurans am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira penginsurans semula, komisen, premium tidak diperolehi dan tuntutan yang ditanggung.

#### Pendapatan premium

Pendapatan premium dikenal pasti sepanjang tahun bagi risiko yang diandaikan berlaku pada tahun berkenaan. Premium daripada perniagaan secara langsung dikenal pasti sepanjang tahun selepas polisi insurans dikeluarkan. Premium bagi risiko pada permulaan yang mana polisi tidak dikeluarkan ketika tarikh kunci kira-kira akan ditambah pada tarikh berkenaan.

Premium penginsurans semula dalaman dikenal pasti berdasarkan nasihat yang diterima dalam tempoh tertentu daripada syarikat insurans.

Premium penginsurans semula luaran dikenal pasti dalam tempoh perakaunan yang sama seperti polisi asal yang membabitkan penginsurans semula.

#### Rizab premium tidak diperolehi

Rizab premium tidak diperolehi ("UPR") mewakili bahagian premium bersih polisi insurans yang ditulis yang berkaitan dengan tempoh belum luput polisi-polisi pada akhir tahun berkenaan.

Dalam menentukan UPR ada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat menggambarkan premium tidak diperolehi sebenar digunakan seperti berikut

- (i) Kaedah 25% untuk kargo perkapalan, kargo penerbangan dan transit;
- (ii) Kaedah 1/24 untuk semua kelas lain polisi umum Malaysia yang dikurangkan dengan peratusan komisen perniagaan secara langsung kasar terhadap premium, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM; dan
- (iii) Kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan luar negara yang diterima dengan pengurangan sebanyak 20% untuk kos pengambilalihan.
- (iv) Kaedah temujanji masa polisi bagi jangkamasa insurans selain daripada 12 bulan.

#### Peruntukan tuntutan

Liabiliti tuntutan tertunggak dikenal pasti bagi kedua-dua insurans secara langsung dan penginsurans semula yang diterima. Nilai tuntutan tertunggak adalah anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan bersama perbelanjaan berkaitan selepas perolehan untuk menyelesaikan tanggungjawab sedia ada pada tarikh kunci kira-kira.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan, bersama perbelanjaan berkaitan, ditanggung tetapi tidak dilaporkan pada tarikh kunci kira-kira, berdasarkan penilaian oleh aktuari bebas bertauliah.

#### Kos pengambilalihan

Kos memperoleh dan memperbaharui polisi-polisi insurans, pendapatan bersih yang dihasilkan daripada premium penginsurans semula, dikenal pasti dan diperuntukkan kepada tempoh tertentu yang mana ia mungkin meningkatkan pendapatan.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

### 2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

#### (h) Keputusan pengunderaitan insurans am

##### (i) Pengiraan hasil lain

Pendapatan faedah atas pinjaman dikira atas dasar terakru kecuali pinjaman yang dianggap sebagai tidak berbayar, contohnya yang mana pembayaran balik adalah tertunggak melebihi enam bulan, maka faedahnya digantung. Selepas penggantungan, faedah dikira atas dasar penerimaan sehinggalah semua baki tertunggak dijelaskan.

Pendapatan faedah lain, termasuk pelunasan premium dan penambahan diskaun, dikira pada asas nisbah masa yang mengambil kira perolehan berkesan aset berkenaan.

Pendapatan sewa dikira pada dasar terakru kecuali berlaku kegagalan membayar sewa dan sewa terhutang masih tertunggak melebihi enam bulan, maka pendapatan sewanya digantung. Selepas penggantungan, pendapatan sewa dikira atas dasar penerimaan sehingga semua baki tertunggak dijelaskan.

Pendapatan dividen dikira dalam penyata kewangan apabila hak untuk menerima bayaran diisytiharkan.

Keuntungan dan kerugian daripada penjualan pelaburan dikreditkan atau dicajkan ke akaun hasil dan/atau penyata pendapatan dalam tempoh penjualan berlaku.

#### (j) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai setiap bidang kuasa yang mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan boleh dicukai. Perbelanjaan cukai bagi dana insurans nyawa berdasarkan kaedah yang ditetapkan di dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk perniagaan insurans nyawa.

Cukai tertunda dikira penuh, menggunakan kaedah liabiliti, pada perbezaan sementara yang timbul di antara jumlah diiktiraf aset dan liabiliti bagi tujuan cukai dan jumlah dibawa dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda dikira setakat adalah munasabah bahawa keuntungan boleh cukai didapati daripada perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai belum guna boleh digunakan.

Kadar cukai tergubal atau digubal secara sah oleh tarikh kunci kira-kira adalah digunakan untuk menentukan cukai tertunda.

#### (k) Matawang asing

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia.

Transaksi matawang asing dalam Syarikat dilaporkan pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh transaksi. Aset kewangan matawang asing dan liabiliti pada tarikh kunci kira-kira pada kadar pertukaran semasa. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian transaksi matawang asing dan daripada pertukaran aset kewangan matawang asing serta liabiliti adalah termasuk dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

#### (l) Manfaat kakitangan

##### (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit bergaji, bonus dan manfaat bukan berbentuk wang terakru dalam tempoh yang mana perkhidmatan bersekutu diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

##### (ii) Pelan caruman wajib

Pelan caruman wajib adalah merupakan pelan bersara di mana Syarikat mencarum ke dalam entiti berasingan (sebuah dana) dan tidak mempunyai obligasi undang-undang untuk mencarum lebih sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar kepada pekerja, manfaat yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tahun semasa ataupun tahun sebelumnya.

Sumbangan Syarikat terhadap pelan caruman wajib yang dibayar dicatatkan pada akaun pendapatan dan/atau penyata kewangan dalam tempoh yang mana berkaitan. Syarikat tidak lagi mempunyai apa-apa tanggungan pembayaran setelah sumbangan ini dijelaskan.

##### (iii) Manfaat penamatan perkhidmatan

Manfaat penamatan perkhidmatan diberikan kepada pekerja apabila perkhidmatan perlu ditamatkan sebelum tarikh penamatan perkhidmatan yang ditetapkan atau apabila pekerja bersetuju menerima penamatan perkhidmatan secara sukarela sebagai tukaran ke atas manfaat ini. Syarikat bersetuju memberikan manfaat ini apabila kedua-dua pihak komited dalam menamatkan perkhidmatan tanpa ada kemungkinan untuk membuat pembatalan atau untuk menggalakkan penamatan secara sukarela.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

## 2 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### (m) Modal saham

#### (i) Klasifikasi

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti.

#### (ii) Dividen kepada pemegang saham Syarikat

Dividen ke atas saham biasa dikenalpasti sebagai liabiliti apabila tanggungjawab untuk membayarnya diisytiharkan sebelum tarikh kunci kira-kira. Dividen yang dicadangkan selepas tarikh kunci kira-kira, tetapi sebelum penyata kewangan diterbitkan, tidak dikelaskan sebagai liabiliti pada tarikh kunci kira-kira. Apabila dividen tersebut bersedia untuk dibayar, ianya akan dikira sebagai liabiliti.

### (n) Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi menzahirkannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah tanggungjawab munasabah yang muncul daripada peristiwa lepas yang mana kewujudan akan disahkan oleh peristiwa akan datang yang tak pasti di luar kawalan Syarikat atau tanggungjawab sekarang yang tidak diiktiraf kerana tidak munasabah bahawa pengaliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab. Liabiliti luar jangka juga muncul dalam kes yang jarang-jarang berlaku yang mana ada liabiliti yang tak boleh diiktiraf kerana tidak boleh diukur dengan pasti.

Aset luar jangka ialah aset munasabah yang muncul daripada peristiwa lepas yang mana kewujudan akan disahkan oleh peristiwa akan datang yang tak pasti di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi menzahirkannya yang mana pengaliran masuk manfaat ekonomi adalah munasabah tetapi tidak dapat dipastikan sebenarnya.

### (o) Instrumen kewangan

#### Butir-butir

Instrumen kewangan adalah apa-apa kontrak yang memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu aset kewangan sebuah syarikat dan liabiliti kewangan bagi syarikat yang lain.

Aset kewangan adalah aset tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau lain-lain aset kewangan dari syarikat yang lain, berupa hak kontrak untuk menukar Instrumen kewangan dengan syarikat lain di bawah pengamatan ianya boleh berpotensi memihak atau ekuiti instrument syarikat lain.

Liabiliti kewangan adalah liabiliti di mana kawajipan kontrak untuk membayar tunai atau lain-lain aset kewangan kepada syarikat yang lain, atau menukar instrumen kewangan dengan lain-lain syarikat di bawah pengamatan ianya berpotensi untuk tidak memihak.

#### Anggaran nilai saksama bagi tujuan pelaporan

Nilai saksama pasaran terbuka instrumen kewangan adalah berdasarkan harga nilai pasaran pada tarikh tarikh kunci kira-kira. Nilai saksama kontrak tukaran asing ditentukan menggunakan kadar hadapan tukaran asing pada tarikh kunci kira-kira.

Dalam menentukan nilai saksama instrumen kewangan bukan pasaran, Syarikat menggunakan pelbagai cara dan membuat andaian berdasarkan ketentuan pasaran sedia ada pada tarikh kunci kira-kira. Teknik seperti anggaran diskaun nilai masa hadapan aliran tunai digunakan untuk menentukan nilai saksama. Begitu juga, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan menggunakan diskaun kontrak hadapan aliran tunai pada nilai faedah pasaran semasa sedia ada di kumpulan yang sama instrumen kewangan.

Nilai bawaan untuk aset kewangan dan liabiliti dengan kematangan kurang dari satu tahun dianggarkan hampir kepada nilai saksama.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

### 3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN KRITIKAL PERAKAUNAN

Pertimbangan dan anggaran adalah dianggarkan secara berterusan oleh Pengarah dan berdasarkan sejarah pengalaman dan lain-lain faktor, termasuk kemungkinan keadaan masa hadapan yang munasabah.

#### 3.1 Pertimbangan dan anggaran kritikal perakaunan

Syarikat membuat pertimbangan dan anggaran melibatkan masa hadapan. Keputusan anggaran perakaunan akan, sama sekali, secara definisinya, jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Pertimbangan dan anggaran yang mempunyai risiko yang penting hingga menyebabkan pembetulan yang penting kepada jumlah bawaan aset dan liabiliti dalam tempoh tahun kewangan adalah digariskan seperti di bawah:

##### (a) Peruntukan untuk tuntutan berlaku tetapi tidak dilaporkan (“IBNR”)

Anggaran peruntukan untuk tuntutan berlaku tetapi tidak dilaporkan melibatkan gambaran pengalaman tuntutan masa hadapan syarikat. Berhubung dengan gambaran, ia adalah unsur semulajadi ketidakstabilan di dalam setiap anggaran, yang membawa kepada keputusan anggaran pengalaman tuntutan masa hadapan. Ketidakstabilan ini timbul dari perubahan dalam dasar risiko, perubahan dalam pengagihan risiko, penyelesaian tuntutan, sebagai contohnya, saiz yang dianugerahkan oleh mahkamah, sikap penerima tuntutan terhadap penyelesaian tuntutan, sosial dan inflasi ekonomi disamping ketidaktentuan didalam model anggaran dan teras pertimbangan. Anggaran terakhir yang terpilih adalah berdasarkan pertimbangan setelah mengambil kira keputusan bagi setiap cara dan maklumat kuantitatif, seperti yang dijelaskan di atas. Oleh yang demikian, adalah tidak praktikal untuk menjelaskan dengan lebih lanjut kemungkinan kesan potensi perubahan kepada punca anggaran digunakan didalam menentukan peruntukkan untuk tuntutan berlaku tetapi tidak dilaporkan berdasarkan ketidaktentuan yang dimasukkan didalam penilaian.

##### (b) Nilai saksama pelaburan bangunan

Nilai saksama pelaburan bangunan adalah dinilai di pasaran terbuka oleh penilai bebas hartanah, diselaraskan sekiranya perlu, untuk sebarang perbezaan di dalam bentuk, lokasi dan sifat terhadap aset tertentu. Sekiranya maklumat ini tiada, Syarikat menggunakan kaedah penilaian alternatif seperti harga terkini ke atas pasaran yang kurang aktif di selaraskan sekiranya perlu, untuk sebarang perbezaan di dalam bentuk, lokasi atau keadaan spesifik aset atau diskaun anggaran aliran tunai.

#### 3.2 Pertimbangan kritikal di dalam mengguna pakai entiti polisi perakaunan

Di dalam menentukan dan mengguna pakai polisi perakaunan, pertimbangan sentiasa memerlukan perkara-perkara di mana pilihan terhadap polisi spesifik boleh membawa kesan penting terhadap keputusan laporan dan kedudukan kewangan kumpulan. Para Pengarah berpendapat pada masa ini tiada polisi perakaunan yang memerlukan pertimbangan yang penting yang perlu dilaksanakan.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

## 4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah pegangan bebas RM'000	Bangunan pegangan bebas RM'000	Tanah pegangan bebas j/panjang RM'000	Bangunan pegangan bebas j/panjang RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Perabot, peralatan dan keleng- kapan RM'000	Keleng- kapan pejabat RM'000	Ubahsuai pejabat RM'000	Peralatan komputer RM'000	Total RM'000
Nilai buku bersih pada 1 April 2006	2,453	6,230	1,430	33,443	931	2,529	1,141	4,456	3,812	56,425
Penambahan pada kos	-	-	-	-	263	19	55	18	734	1,089
Pelupusan pada nilai buku bersih	(124)	(182)	-	-	(125)	(9)	-	(1)	(4)	(445)
Penghapusan pada nilai buku bersih	-	-	-	-	-	(64)	(14)	(118)	(1)	(197)
Bayaran susutnilai bagi tahun kewangan berkenaan	(82)	(170)	(46)	(791)	(62)	(178)	(226)	(866)	(1,620)	(4,041)
Nilai buku bersih pada 31 Mac 2007	2,247	5,878	1,384	32,652	1,007	2,297	956	3,489	2,921	52,831
Pada 31 Mac 2007:										
Pada kos	-	-	-	-	1,555	3,509	3,593	9,012	15,693	33,362
Pada penilaian	2,425	6,246	1,484	34,366	-	-	-	-	-	44,521
Susutnilai terkumpul	(178)	(368)	(100)	(1,714)	(548)	(1,212)	(2,637)	(5,523)	(12,772)	(25,052)
Nilai buku bersih	2,247	5,878	1,384	32,652	1,007	2,297	956	3,489	2,921	52,831

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

### 4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Tanah pegangan bebas RM'000	Bangunan pegangan bebas RM'000	Tanah pegangan j/panjang RM'000	Bangunan pegangan bebas j/panjang RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Perabot, peralatan dan keleng- kapan RM'000	Keleng- kapan pejabat RM'000	Ubahsuai pejabat RM'000	Peralatan komputer RM'000	Jumlah RM'000
Nilai buku bersih pada 1 April										
2005	2,070	5,979	1,162	29,186	1,072	2,499	1,166	5,151	4,928	53,213
Penambahan pada kos	-	-	-	-	198	234	241	281	755	1,709
Penilaian semula dan pembalikan susut nilai oleh kerana penilaian semula	473	432	316	5,069	-	-	-	-	-	6,290
Pelupusan pada nilai buku bersih	-	-	-	-	(3)	(16)	(1)	(1)	(30)	(51)
Penghapusan pada nilai buku bersih	-	-	-	-	-	(13)	(10)	(7)	-	(30)
Pengkelasan semula pada nilai buku bersih	-	-	-	-	-	-	-	(1)	-	(1)
Bayaran susut nilai bagi tahun kewangan berkenaan	(90)	(181)	(48)	(812)	(336)	(175)	(255)	(967)	(1,841)	(4,705)
Nilai buku bersih pada 31 Mac 2006	2,453	6,230	1,430	33,443	931	2,529	1,141	4,456	3,812	56,425
Pada 31 Mac 2006:										
Pada kos	-	-	-	-	1,860	3,620	3,592	10,301	18,627	38,000
Pada Penilaian	2,555	6,436	1,484	34,366	-	-	-	-	-	44,841
Susut nilai terkumpul	(102)	(206)	(54)	(923)	(929)	(1,091)	(2,452)	(5,844)	(14,815)	(26,416)
Nilai buku bersih	2,453	6,230	1,430	33,443	931	2,529	1,140	4,457	3,812	56,425

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

### 4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Pada tahun 2005, para pengarah menilai semula kesemua tanah dan bangunan pegangan bebas dan tanah dan bangunan pegangan bebas jangka panjang Syarikat yang dianggap sebagai hartanah, loji dan peralatan berdasarkan penilaian bebas ke atas asas nilai pasaran terbuka.

Sekiranya tanah dan bangunan pegangan bebas serta pajakan jangka panjang itu disediakan berdasarkan kos sejarah tolak susut nilai terkumpul, jumlah yang akan dimasukkan ke dalam akaun pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2007 RM'000	2006 RM'000
Tanah dan bangunan pegangan bebas	6,136	6,552
Tanah dan bangunan pegangan pajakan jangka panjang	33,195	33,975
	<hr/>	<hr/>
	39,331	40,527

Tanah dan bangunan pajakan jangka panjang mempunyai tempoh pajakan yang masih belum luput dari 72 tahun sehingga 888 tahun (31.3.2006: 73 tahun hingga 889 tahun).

Hak milik untuk hartanah pajakan jangka panjang dan hartanah pegangan bebas dimasukkan ke dalam hartanah, kilang dan peralatan pada nilai yang dibawa berjumlah RM31,551,861 (2006: RM32,303,310) dan RM4,537,384 (2006: RM4,659,976) masing-masing, sedang dalam proses untuk dipindahkan ke Syarikat. Risiko, ganjaran dan hak milik berkesan hartanah berkenaan telah diserahkan kepada Syarikat setelah termeterainya perjanjian jualan dan belian hartanah tersebut. Syarikat telah menghantar dokumen berkaitan kepada Jabatan Tanah untuk pemindahan hak milik perundangan kepada Syarikat dan masih menanti proses dan penetapan peraturan pemindahan berkenaan.

### 5 HARTANAH PELABURAN

	2007 RM'000 Nilai dibawa	2006 RM'000 Nilai dibawa
<b>Hartanah pelaburan:</b>		
Tanah dan bangunan pegangan bebas: Pada penilaian	5,405	5,405
Tanah dan bangunan pegangan pajakan: Pada penilaian	22,000	22,000
	<hr/>	<hr/>
	27,405	27,405

Pada tahun 2005, para pengarah menilai semula kesemua hartanah pelaburan Syarikat berdasarkan penilaian bebas ke atas asas nilai pasaran terbuka.

Nilai saksama bagi hartanah pelaburan pada 31 Mac 2007 dianggar oleh Pengarah hampir kepada nilai dibawa.

Hak ke atas tanah dan bangunan pegangan bebas dan tanah dan bangunan pegangan pajakan adalah termasuk di dalam hartanah pelaburan pada nilai dibawa iaitu RM 22,000,000 (2006: RM22,000,000) dan RM5,405,000 (2006: RM5,405,000) masih di dalam proses untuk ditukarkan hak kepada Syarikat. Risiko, ganjaran dan kuasa ke atas hartanah ini telah dipindahmilik ke Syarikat semasa penyediaan pengambilalihan hartanah. Syarikat telah menghantar dokumen berkaitan kepada pejabat tanah untuk pertukaran hak ke atas Syarikat dan sehingga kini masih menunggu proses pengambilalihan itu selesai.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Mac 2007 (sambungan)

### 6 PELABURAN

	Nilai dibawa RM'000	2007 Nilai pasaran RM'000	Nilai dibawa RM'000	2006 Nilai pasaran RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysian, pada kos	53,203		47,986	
Pelunasan premium bersih penambahan diskaun	(3,780)		(1,823)	
	49,423	49,342	46,163	45,877
Kertas Cagamas, pada kos	-		5,028	
Pelunasan premium bersih penambahan diskaun	-		(16)	
	-		5,012	
Disebutharga:				
Sekuriti Ekuiti Syarikat - disebutharga di Malaysia, pada kos	4,593		58,248	
Peruntukan untuk pengurangan nilai	-		(7,755)	
	4,593	5,575	50,493	50,493
